


RONA TINTA

EDISI 2025



FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU





TANAH AIRKU MALAYSIA

Fakrulnizam Jafri

Di bumi ini...
Bumi bertuah,
Bumi pusaka,
Bumi tumpah darah kita...

Pernah satu ketika...
kita dijajah,
diikat tangan,
dibungkam suara,
namun...
semangat kita...
tidak pernah mati.

Kerana...
di dada setiap anak bangsa,
menyala api perjuangan,
membakar rasa takut,
menyalakan tekad.

Merdeka!
Teriakan itu...
menggegarkan langit,
mengalir di sungai,
bergema di gunung,
menyusup di hati setiap insan.

Hari ini...
Jalur Gemilang berkibar megah,
di bawahnya kita berdiri teguh,
menyambung janji...
"Selagi hayat dikandung badan,
negara ini akan aku pertahankan!"

Merdeka bukan sekadar sejarah,
Merdeka adalah amanah,
Merdeka adalah tanggungjawab,
Merdeka adalah jiwa kita.
Selagi matahari menyinari tanah ini,
selagi bintang bertabur di langit malam,
Malaysia akan terus merdeka...
untuk selama-lamanya!

MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA!